

01/01/2003

PM harus dilepas untuk bersara

Mud-Tow-Qua'

HINGGA hari ini pun nampaknya, masih ada yang meragui hasrat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk bersara pada Oktober depan.

Ada pihak yang masih meraguinya, di sebalik pengumuman rasmi serta kenyataan dan ketegasan yang kerap Perdana Menteri ulangi, termasuk terbaru pada pertemuan dengan pemberita dan pengarang kanan akhbar Berita Harian dan New Straits Times, baru-baru ini.

Apa yang dilihat, seolah-olah hasrat persaraan Dr Mahathir itu masih ada yang tersirat, lalu tidak boleh dibaca serta difahami pada yang tersurat semata-mata.

Pandangan sebegini ditambah dakwaan 'sandiwara' oleh pembangkang, khususnya Pas tidak membantu sebaliknya boleh mengelirukan, apatah lagi apabila ia cuba pula dipengaruhi ke atas rakyat menerusi sembang-sembang kosong sekalipun.

Seharusnya, terimalah kenyataan terhadap cadangan dan hasrat Perdana Menteri untuk bersara, seadanya tanpa perlu bersusah-payah untuk "read between the lines".

Lagipun, beliau mengumumkannya hingga mengejutkan seluruh negara pada akhir Perhimpunan Agung Umno, 22 Jun tahun lalu.

Beliau dirayu menarik balik keputusan itu. Beliau kembali tetapi dengan memberikan tempoh hingga Oktober depan saja.

Kita sepatutnya sekarang, sudah dapat "menelan" hakikat bahawa beliau harus dilepaskan pergi untuk bersara kerana itulah hasratnya.

Namun hingga itu, beliau masih Perdana Menteri kita. Segala ketaatan harus terus diberikan kepadanya.

Dalam pada itu, penulis yang berada di Alor Setar, Kedah pada 28 Disember lalu, untuk menghadiri majlis hari raya anjuran Majlis Mahasiswa Anak Pahang di Sintok yang turut dihadiri Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, sempat mengunjungi 'Rumah Kelahiran Dr Mahathir Mohamad' di Seberang Perak, Kedah.

Kunjungan ini tidak dirancang lebih awal. Namun, terdetik di hati untuk mengunjunginya selepas melihat papan tanda ketika melalui sebatang jalan utama di bandar itu.

Apatah pula mengenangkan hanya dalam tempoh lebih sedikit sembilan bulan saja lagi Dr Mahathir akan menamatkan perkhidmatan 22 tahunnya selaku Perdana Menteri.

Dengan hanya dua kali belok dari jalan utama pusat bandar selepas melepasi jambatan, sudah pun tiba ke rumah bersejarah itu di No 18, Jalan Kilang Ais.

Rumah papan itu sedang dibaiki. Di bahagian bawah rumah, terletak sebuah basikal tua.

Di dua blok bangunan yang didirikan oleh Arkib Negara berhampiran rumah itu, dipamerkan bahan serta maklumat berguna mengenai negarawan kita ini.

Di sinilah penulis ketahui yang ayah Dr Mahathir ialah Mohamad bin Iskandar, juga dikenali sebagai 'Master Mohamad' kerana beliau seorang guru Bahasa Inggeris ketika menyara keluarganya.

Juga diketahui bahawa ibu Dr Mahathir ialah Wan Mas Tempawan Wan Hanafi - keturunan ternama di Kedah yang turut meliputi Wan Mohd Saman - tokoh pembina Terusan Mat Saman, sebagai saudara maranya.

Betapa pula Dr Mahathir mempunyai jiran sebelah rumah dari keturunan Cina dengan ketua keluarganya bernama Ah Neo. Kepada penulis, tidak betul sangat dakwaan 'ultra Malay' yang dikenakan kepada Dr Mahathir pada masa

lalu. Jika ya, dakwaan beliau seorang pelampau Melayu, takkanlah keluarganya boleh mempunyai jiran sebuah keluarga Cina.

Dr Mahathir datang daripada keluarga yang kuat disiplin. Malah, disiplin itu terpancar pada gaya Master Mohamad menamakan sembilan anaknya dengan pangkal M (kecuali yang sulung, Omar dan anak-anak perempuannya).

Dr Mahathir mengikutinya dengan nama semua tujuh anaknya pula bermula dengan huruf M iaitu Marina, Mokhzani, Mirzan, Melinda, Mukhriz, Mazhar dan Maizura.

Kalau alasan Master Mohamad menamakan begitu rupa ialah bagi memastikan anak-anaknya tidak dipanggil terlalu awal atau terlalu lewat dalam menghadapi sesuatu keadaan, tidak pula dijelaskan alasan Dr Mahathir mengenai perkara yang sama.

Disiplin juga terserlah mengenai hal agama apabila Master Mohamad mengerahkan anak-anaknya belajar al-Quran setiap hari tanpa gagal, sebaik pulang sekolah pada paginya.

Kena dengan amalan disiplin yang tinggi, daripada pelbagai maklumat yang dikumpul, penulis simpulkan bahawa keluarga ini juga amat tegas dan kata orang utara, 'ketegark' (tegar) dengan pendiriannya.

Perdana Menteri juga membuka Klinik Maha - satu-satunya klinik swasta Melayu daripada lima klinik swasta ketika itu. Dr Mahathir mengenakan bayaran ke atas yang mampu saja, manakala yang tidak, sama ada mereka boleh membuat pembayaran pada kunjungan yang akan datang atau tidak perlu membayar langsung!

Dalam hal yang lebih ringan seperti makanan, rupa-rupanya Dr Mahathir gemar memakan tiga jenis kuih iaitu halwa maskat, kuih loyang dan kuih karas. Contoh ketiga-tiga kuih ini ada turut dipamerkan bagi memudahkan mereka yang tidak tahu bentuknya.

Buah kegemarannya pula ialah ciku. Beliau juga tidak memakan ikan kecualilah ikan masin.

Pada tayangan video yang turut dipersembahkan, ada segmen temu ramah dengan kakaknya yang membetulkan sedikit tanggapan salah orang ramai terhadap jenis perniagaan Dr Mahathir ketika berniaga di Pekan Rabu. Dr Mahathir menjual cendul!

Dalam mempelajari semua ini, penulis tidak menyedari menghabiskan kira-kira dua jam di kompleks Rumah Kelahiran Dr Mahathir Mohamad ini.

Penulis percaya, dalam tempoh menjelang persaraannya, kompleks ini akan menyaksikan lebih ramai pengunjung lagi.

"Selamat bersara Tuan"- itulah kata-kata yang penulis tuliskan dalam buku pelawat yang disediakan pada akhir lawatan ke kompleks yang penuh bermanfaat itu.

MUD-TOW-QUA',
Kuantan, Pahang.